

Haumea: Planet Kerdil

written by Hazrul | 07/06/2023

Haumea pada asalnya dinamakan sebagai [2003 EL61](#) (dan digelar Santa oleh satu pasukan penemuan), Haumea terletak di [Jaluran Kuiper](#), sebuah kawasan berbentuk donat berais di luar orbit [Neptune](#). Planet kerdil lain yang diketahui berada di Jaluran Kuiper ialah [Pluto](#), [Eris](#), dan [Makemake](#) (planet kerdil [Ceres](#) terletak di kawasan asteroid utama antara [Marikh](#) dan [Musytari](#)).

Haumea mempunyai kira-kira saiz yang sama dengan Pluto. Ia merupakan salah sebuah objek besar berputar terpantas di dalam sistem suria kita. Putaran yang pantas diatas paksinya merubah bentuk fizikal Haumea, menjadikan planet kerdil ini kelihatan seperti [bola sepak Amerika](#).

Dua pasukan menuntut pengiktirafan kerana menemui Haumea. Mereka memetik sumber bukti daripada pemerhatian yang dibuat pada tahun 2003 dan 2004. Pewartaan Tatanama Planet [Kesatuan Astronomi Antarabangsa](#) menyenaraikan lokasi penemuan sebagai [Balai Cerap Sierra Nevada](#) di Sepanyol pada 7 Mac 2003, tetapi tiada penemu rasmi bagi planet kerdil ini telah disenaraikan. Semua yang kita tahu mengenai Haumea berdasarkan dari pemerhatian dengan menggunakan teleskop dari seluruh dunia.

Haumea dinamakan sempena [dewi kesuburan Hawaii](#). Haumea sangat sejuk dan nampaknya tidak mempunyai keadaan yang sesuai untuk sebarang jenis kehidupan. Dengan ukur lilit jejari kira-kira 385 batu (620 kilometer), Haumea hanyalah kira-kira 1/14 jejari Bumi.

Versi Bahasa Inggeris bagi artikel ini boleh didapati di laman web [NASA](#), Solar System Exploration Our Galactic Neighbourhood, Haumea.

Disediakan oleh:

Rashid Ating

Penyelidik, Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi dan di Institut Pengajian Termaju (IAS), Universiti Malaya